

Mekanisme Pelaksanaan Bantuan Rakyat Ke Arah Mencapai Pembangunan Lestari

Mechanisms Of Implementation For The People's Aid Towards Achieving Sustainable Development

Ahmad Nazrul Alif Yahya¹, Wan Norhaniza Wan Hasan²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
4 APRIL 2019	30 MEI 2019	22 JULAI 2019

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan menganalisis mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat yang dijalankan pada masa kini di negara maju dan negara membangun. Bantuan rakyat secara umumnya ialah bantuan yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah dalam menangani masalah peningkatan kos sara hidup. Peningkatan kos sara hidup seiring dengan pembangunan dan kemajuan negara menyebabkan negara maju dan membangun melaksanakan bantuan rakyat berdasarkan keperluan rakyat mereka sendiri. Persoalannya, apakah wujud perbezaan dalam bentuk bantuan rakyat yang telah dilaksanakan antara negara maju dan negara membangun? Bagaimana pula bantuan tersebut berupaya membolehkan pembangunan lestari tercapai? Kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat di negara maju dan negara membangun. Kedua, menganalisis mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat di negara maju dan negara membangun. Analisis ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat di negara maju dan negara membangun ini didapati merangkumi pelbagai jenis bantuan yang dilaksanakan seperti bantuan perumahan, pendidikan dan kesihatan. Hal ini menunjukkan bahawa bantuan rakyat yang dilaksanakan di negara maju dan negara membangun tidak tertumpu kepada bantuan kewangan sahaja.

Kata Kunci: *Bantuan Rakyat, Kemiskinan, Pembangunan Lestari*

ABSTRACT

This paper intends to analyse the implementations mechanism for people's aid conducted by developed and developing countries. It is generally an aid that is implemented to meet the needs of the lower income group of the society in addressing the increment pattern on cost of living. The increasing cost of living coexist with the development of the country and its progress hence, led the country to provide aids for its people based on their needs. However, are there any differences between people's aid provided by developed countries in comparison to developing countries? How are these aids will lead to sustainable development? There are two objectives that will be achieved in this paper according to these issues. Firstly, to identify the mechanisms of implementation for the people's aid in both developed and developing countries. Secondly, to analyse these mechanisms of

¹ Ahmad Nazrul Alif Yahya, Calon Doktor Falsafah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, nazrul_alif@ymail.com.

² Wan Norhaniza Wan Hasan, Pensyarah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, wanhaniza@usm.my.

implementation. The analysis conducted by using content analysis method. People's aid provided by developed and developing countries are found to include various types of assistance such as housing, health and education. This suggests that people's aid in developed and developing countries are not confine only on the financial aid.

Keywords: *People's Aid, Poverty, Sustainable Development*

PENGENALAN

Kemiskinan merupakan isu global yang telah berakar umbi dalam masyarakat sejak sekian lama. Kemiskinan malah dianggap sebagai salah satu cabaran terbesar dalam pembangunan yang perlu dihadapi oleh manusia. Pelbagai usaha membasmi kemiskinan telah dijalankan oleh pelbagai pihak secara global menyaksikan kejayaan mengurangkan lebih separuh daripada kadar kemiskinan tegar dunia (UNDP, 2019). Meskipun begitu, Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Development Programme*, UNDP) melaporkan masih ramai penduduk dunia bergelut untuk meneruskan kelangsungan kehidupan akibat kemelut kemiskinan yang mereka hadapi. Isu kemiskinan juga menunjukkan berlakunya pengagihan hasil kemajuan yang tidak seimbang dan tidak merata. Keadaan ini dikaitkan dengan isu gender, usia, akses pendidikan dan batas geografi.

Dalam menghadapi isu kemiskinan yang secara umumnya dipandang negatif oleh kebanyakan pihak, pelbagai inisiatif telah dilakukan. Menamatkan kemiskinan telah diangkat sebagai matlamat pertama dalam Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, SDG) sebagai satu komitmen bersama pelbagai agensi dan pihak sama ada organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kerajaan negara-negara dunia mahupun organisasi bukan kerajaan (*non-government organisation*, NGO) menjelang tahun 2030 (UNDP, 2019). Salah satu inisiatif yang digunakan dalam mencapai matlamat ini ialah melalui bantuan rakyat.

Bantuan rakyat merupakan satu bentuk bantuan yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak mahupun dari badan kerajaan atau pun badan bukan kerajaan. Kebiasaannya, bantuan rakyat ini dikenali sebagai bantuan kewangan yang diagihkan kepada golongan yang berfokus bagi membantu golongan tersebut dalam menjalani kehidupan mereka. Selain itu, bantuan rakyat juga bertujuan untuk membantu dalam mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah. Kebanyakan bantuan rakyat biasanya dilaksanakan dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan (Sabry, 2005). Walau bagaimanapun sejauh mana keberkesanan bantuan rakyat ini? Setakat mana pula program bantuan rakyat ini mampu lestari mengubah status dan peningkatan dalam hidup mereka untuk menangani masalah kos sara hidup. Bagi meneliti aspek ini dengan lebih lanjut, artikel ini berhasrat untuk menganalisis mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat yang dijalankan dalam kalangan negara maju dan negara membangun. Berdasarkan analisis ini, kesimpulan terhadap kecenderungan mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat untuk mencapai pembangunan lestari dilakukan berdasarkan perspektif Islam.

MEKANISME BANTUAN RAKYAT DI NEGARA MAJU

Pelbagai mekanisme bantuan rakyat yang telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji dari pelbagai aspek dan memberi fokus kepada negara maju. Pelbagai kajian lepas yang telah

dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti bantuan persekutuan dan perkhidmatan tempatan di Amerika Syarikat yang dikaji oleh Robert (1987); bantuan golongan gelandangan muda di Kanada kajian oleh Abramovich (2013); bantuan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah di Amerika Syarikat kajian Olson (2003); bantuan makanan dan kesihatan di Amerika Syarikat kajian Lee & Frongillo (2001); bantuan makanan di Amerika Syarikat oleh Craig *et al* (2000); serta bantuan perubatan kepada pesakit kajian oleh Pamela (2001) dan Danielle (2006). Sorotan kajian-kajian akan dilakukan dengan lebih mendalam untuk perbincangan tentang kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antara kajian lepas yang melibatkan organisasi kerajaan ialah Robert (1987) yang mengkaji tentang bantuan persekutuan dan perkhidmatan tempatan di Amerika Syarikat. Menurut beliau, struktur fiskal Amerika Syarikat telah berkembang secara berterusan ke arah pemusatan pembiayaan perkhidmatan kerajaan. Pendapatan yang tinggi dalam kerajaan tersebut menyebabkan kerajaan Amerika Syarikat telah memindahkan keuntungan fiskalnya kepada geran bantuan belanjawan kepada kerajaan tempatan. Peruntukan kerajaan Amerika Syarikat adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan awam kepada masyarakat tempatan. Penyebaran bantuan disamakan kepada setiap kerajaan negeri di Amerika Syarikat supaya dapat mencapai peningkatan ekonomi yang lebih baik dan kesaksamaan bagi setiap negeri (Robert, 1987).

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Abramovich (2013) yang mengkaji tentang golongan gelandangan muda di Kanada. Kajian (Abramovich, 2013) yang membincangkan bantuan makanan oleh kerajaan Kanada kepada golongan gelandangan muda di Toronto. Menurut Abramovich (2013), beliau telah mengenal pasti punca golongan gelandangan muda kurang mendapat perhatian dalam setiap masalah yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, pendekatan oleh kerajaan Kanada telah membentuk satu program (*Youth Homeless and Food Assistance Programme*) bagi membantu golongan gelandangan muda ini.

Kajian lepas seterusnya adalah Olson (2003) yang mengkaji program bantuan perumahan bagi golongan isi rumah yang berpendapatan rendah di Amerika Syarikat. Menurut kajian beliau, bantuan perumahan bagi golongan isi rumah berpendapatan rendah telah menjadi tumpuan kerana ramai isi rumah yang berpendapatan rendah ingin mendapat bantuan tersebut. di Amerika Syarikat, penilaian untuk program perumahan ini dinilai berdasarkan saiz isi rumah. Isi rumah yang berpendapatan 50 peratus ke bawah berdasarkan jumlah kos perumahan yang dibiayai oleh kerajaan. Oleh itu, setiap isi rumah yang mendapat bantuan adalah berbeza mengikut saiz isi rumah masing-masing supaya bantuan tersebut dapat membantu golongan isi rumah yang berpendapatan rendah boleh memiliki rumah tersebut (Olson, 2003). Tambahnya lagi, perkara yang menjadi isu utama dalam bantuan perumahan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah ini adalah sama ada rumah yang diberi itu di beri secara percuma atau dikenakan bayaran. Isu kedua pula ialah, ketelusan dalam penilaian isi rumah yang sangat memerlukan bantuan tersebut. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab harus mengumpulkan data-data yang berkaitan supaya dapat membuktikan bahawa isi rumah tersebut layak untuk mendapat bantuan perumahan tersebut.

Kajian seterusnya ialah Lee & Frongillo (2001) yang mengkaji bantuan pemakanan dan kesihatan bagi golongan tua di Amerika Syarikat. Kajian ini memprihalkan tentang program bantuan makanan dan kesihatan di komuniti yang mendedahkan kepada pengambilan makanan yang lebih nutrien yang kurang berisiko lebih-lebih lagi bagi golongan tua. Oleh itu, pendekatan yang dilakukan di Amerika Syarikat ini adalah bertujuan untuk melibatkan golongan tua supaya dapat mengurangkan risiko penyakit serta dapat memilih makanan yang lebih nutrien yang boleh membawa kesan yang baik bagi setiap individu.

Kajian yang dilakukan oleh Craig *et al.* (2000), mengkaji bantuan makanan di antara Amerika Syarikat. Program bantuan makanan ini merupakan komponen yang penting bagi rangkaian keselamatan sosial di Amerika Syarikat dan Mexico. Kira-kira satu dari lima orang Mexicans dan seorang dari enam warga Amerika menerima manfaat daripada program bantuan makanan yang dibiayai oleh kedua-dua kerajaan. Bantuan ini memastikan golongan yang berpendapatan rendah di beri makanan yang lebih kepada penjagaan kesihatan. Bagi mencapai matlamat program bantuan makanan ini, program ini dibiayai secara dalaman, dan fokus kepada golongan berpendapatan rendah bukan kepada umum. Sebelum ini, kedua-dua negara memberi bantuan tunai tetapi mempunyai had waktu dalam penggunaan tersebut, kini bantuan secara makanan diberi secara berterusan kepada golongan yang layak menerima bantuan tersebut.

Jensen & Huffman (2003) mengkaji keselamatan bantuan makanan kepada isi rumah, penjelasan oleh Amerika Syarikat. Menurut mereka, program bantuan makanan adalah sangat penting bagi memenuhi keperluan asas bagi setiap isi rumah. Kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan dan keselamatan bantuan makanan melalui pengagihan makanan ataupun pengagihan melalui kewangan. Bagi menjamin keselamatan dalam pengagihan makanan kepada golongan isi rumah, kajian ini telah mengubah struktur program dengan pemberian wang tunai kepada isi rumah bagi memenuhi keperluan makanan mereka.

Johnson & Kim (2007) telah mengkaji program bantuan keselamatan makanan yang boleh menyebabkan kegemukan dan kemurungan dalam kalangan orang tua di Amerika Syarikat. Kajian yang dilakukan oleh Johnson & Kim (2007) adalah untuk kesan pemakanan yang mengakibatkan kegemukan dan kemurungan dalam kalangan orang tua. Oleh itu, program bantuan pemakanan ini adalah untuk melihat kaitan pemakanan yang menyebabkan kegemukan dan kemurungan dalam golongan tua. Kajian ini telah menunjukkan bahawa ada dua kesan yang membawa kepada kegemukan dan kemurungan dalam kalangan orang tua iaitu kesan daripada pemakanan dan bukan pemakanan. Oleh itu, program dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan tua di samping menjaga kesihatan mereka dan memenuhi keperluan pemakanan nutrien mereka.

Kajian lepas seterusnya ialah Pamela (2001) yang mengkaji program bantuan penggunaan ubat untuk pesakit yang tidak di insuranskan di Arizona Amerika Syarikat. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengimbangi kos ubat yang ditanggung oleh setiap pesakit selepas mendapatkan rawatan di hospital. Kelayakan bagi pesakit perlu di nilai dan prosedur pendaftaran untuk program penggantian ubat tertentu dimasukkan. Pendaftaran perubatan di bawah pesakit yang diinsuranskan atau tidak diinsuranskan ke dalam program bantuan ubat-ubatan boleh menghasilkan penjimatan yang besar yang memberi faedah kepada pesakit dan institusi. Peranan aktif dalam pembangunan program bantuan ubat adalah salah satu cara bagi institusi penjagaan kesihatan boleh membuat perbezaan dalam membantu mengimbangi perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan. Onkologi jururawat dan penyedia penjagaan kesihatan lain boleh berfungsi sebagai hubungan penting untuk pesakit yang tidak berinsurans dan syarikat farmaseutikal yang menawarkan bantuan tersebut (Pamela, 2001).

Kajian di England yang dilakukan oleh Rothi & Leavey (2006) adalah berhubung kait dengan penjagaan golongan muda oleh pihak kerajaan. Isu penjagaan kesihatan dan masalah sosial anak muda di ambil berat oleh kerajaan England kerana golongan muda di England mula terjerumus ke arah masalah sosial yang semakin teruk. Kerajaan England bersama Penasihat Perkhidmatan Kesihatan telah menjalankan program yang dapat mendekatkan diri

dengan golongan muda melalui guru sekolah dan ibu bapa supaya dapat mengelakan golongan ini tersisih dari kesihatan dan masalah sosial.

Seterusnya, Danielle *et al.* (2006) telah mengkaji program bantuan mengakses perubatan melalui pesakit. Dalam kajian ini, program bantuan pesakit (*Patient Assistance Programme, PAPS*) telah diperkenalkan bagi oleh pihak farmaseutikal di Amerika Syarikat bertujuan untuk memberi bantuan ubat-ubatan yang berkualiti kepada individu yang berpendapatan rendah. Walaupun program ini berpotensi untuk meningkat akses pesakit untuk mendapatkan ubat-ubatan tetapi mungkin juga ada pesakit yang tidak mengambil tahu atau tidak mengetahui bahawa pihak farmaseutikal mengadakan program bantuan seperti ini atas halangan dan sebab-sebab tertentu.

Kajian seperti ini dilakukan oleh Yun Ho (2007); Boonyabancha (2009); Sparrow (2007); Devdasan *et al.* (2008); Sarah Sabry (2005); dan Mohd Kabir Hassan (2007). Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana pelaksanaan program di negara-negara tersebut dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sebilangan penduduk.

Kajian yang dilakukan oleh Yun Ho (2007) di Singapura adalah melibatkan pembangunan di kalangan kanak-kanak. Menurut Yun Ho (2007) kanak-kanak di Singapura sangat penting dalam menjamin masa hadapan negara kerana Singapura merupakan sebuah negara yang kecil dan perlu kepada perkembangan yang baik dari kanak-kanak. Program yang dijalankan di Singapura adalah pengawal perkembangan kanak-kanak dari segi kesihatan dan penjagaan terhadap kehidupan seharian kanak-kanak.

Program intervensi kanak-kanak awal adalah untuk mencapai hasil yang baik dalam pembangunan terutamanya kanak-kanak yang berisiko dalam kesihatan atau kurang bimbingan dalam keluarga. Program-program ini memberi penekanan terhadap fokus kanak-kanak dalam aktiviti pendidikan dan interaksi dalam keluarga. Program yang dilakukan di Singapura ini adalah pelaburan pada masa hadapan untuk melahirkan generasi yang membangun seiring dengan pembangunan negara (Yun Ho, 2007).

Selain itu, Yap (2010) mengkaji bantuan sosial untuk golongan komuniti di Singapura. Di bawah program bantuan sosial di Singapura, *The ComCare Fund* (Community Care Endowment Fund) telah ditubuhkan pada 24 Oktober 2005 bertujuan untuk membantu menampung komuniti yang mempunyai pelbagai masalah. Menurut Yap (2010) sasaran bantuan sosial ini adalah kepada sesiapa tidak boleh berkerja atas sebab-sebab tertentu dan tidak mempunyai pembiayaan khas ke atas dirinya. Seterusnya, bantuan ini juga fokus untuk membantu individu dan keluarga yang mempunyai masalah kewangan akibat pengangguran. Selain itu, bantuan ini juga diberi kepada kanak-kanak yang menghadapi kekangan pendidikan akibat daripada pendapatan keluarga yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa, kewujudan *The ComCare Fund* atas inisiatif kerajaan Singapura dalam membantu masalah sosial yang dilalui oleh rakyatnya.

Keseluruhan aspek yang berkaitan bagi bantuan rakyat yang telah dibincangkan di atas mengkhususkan kepada bantuan yang telah dilakukan di negara-negara maju di dunia. Dari segi bantuan yang dilaksanakan oleh setiap negara menunjukkan perbezaan yang ketara dan bantuan adalah mengikut kesesuaian mengikut keperluan hidup negara masing-masing.

MEKANISME BANTUAN RAKYAT DI NEGARA MEMBANGUN

Mekanisme bantuan rakyat di negara membangun juga turut dibincangkan bertujuan untuk mengenal pasti jenis bantuan yang dilaksanakan. Antara negara-negara yang melaksanakan program bantuan sama ada dari organisasi kerajaan mahupun organisasi bukan kerajaan seperti, Thailand, Indonesia, India, Mesir dan Bangladesh. Jenis bantuan juga disasarkan kepada golongan miskin, berpendapatan rendah, kanak-kanak, dan pendidikan. Antara kajian lepas yang telah dilakukan ialah kajian keperluan orang miskin di Nigeria yang dikaji oleh Bilqis (2015); pemberian tanah perumahan bagi orang yang miskin di Thailand yang dikaji oleh Booyanbancha (2009); program biasiswa pendidikan untuk golongan miskin di Indonesia yang dikaji oleh Sparrow (2007); bantuan tunai bersyarat di India yang dikaji oleh Devadasan (2008); bantuan sosial oleh kerajaan Mesir yang dikaji oleh Sarah Sabry (2005); bantuan untuk mengurangkan kemiskinan di Bagladesh yang dikaji oleh Mohd Kabir Hassan (2007); bantuan sosial kepada komuniti di China yang dikaji oleh Leung & Wong (1999); kepentingan perumahan dalam kalangan pengguna berpendapatan rendah di Saudi Arabia kajian oleh Opoku (2010).

Kajian oleh Bilqis *et al.* (2015) ialah keperluan orang miskin di Nigeria, bantuan berasaskan sumber zakat. Menurut beliau, kajian yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti keperluan di antara orang miskin dalam kehidupan mereka. Kajian ini mengenal pasti tiga jenis kemiskinan di barat daya Nigeria iaitu miskin tegar, sederhana miskin dan miskin yang merupakan kriteria untuk bantuan zakat di negara tersebut. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Bilqis *et al.* (2015), keperluan utama bagi ketiga-tiga kategori miskin tersebut memerlukan keperluan asas hidup seperti makanan, sumber elektrik, pakaian dan tempat tinggal.

Booyanbancha (2009) mengkaji pemberian tanah untuk perumahan bagi orang miskin di *Baan Mankong* (Kampung Mankong) di Thailand. Kajian yang dilakukan oleh Booyanbancha (2009) memperkenalkan program yang dilakukan di Thailand bagi mengenal pasti kampung-kampung orang miskin bagi tujuan pemberian untuk perumahan dan untuk kemakmuran Thailand seiring dengan kemajuan penduduk-penduduk lain. Menurut Booyanbancha (2009), di kampung *Baan Makong* mempunyai organisasi komunitinya sendiri. Organisasi komuniti tersebut membentuk kumpulan simpanan kewangan mereka sendiri dan ditadbir oleh jawatan kuasa kampung tersebut atas persetujuan penduduk di situ. Bagi penempatan penduduk yang tidak rasmi, kerajaan tempat menyediakan program pemberian tanah atau pinjaman sama ada untuk membina rumah atau memperbaiki rumah bagi yang sudah mempunyai rumah. Hal ini menunjukkan kerajaan tempatan sentiasa mengambil inisiatif dalam membantu untuk memakmurkan penduduknya (Booyanbancha, 2009).

Sparrow (2007) mengkaji perlindungan pendidikan untuk golongan miskin berdasarkan program biasiswa di Indonesia semasa krisis ekonomi berlaku. Program ini untuk meningkatkan enrolmen terutamanya kanak-kanak sekolah rendah miskin yang tinggal di luar bandar. Program biasiswa ini akan membantu pendidikan kanak-kanak semasa berlaku krisis ekonomi negara. Selain itu juga dapat meringankan beban isi rumah dan mengelakkan daripada penggunaan tenaga buruh dalam kalangan kanak-kanak. Menurut Sparrow (2007), program biasiswa ini akan memberi kesan yang efektif dalam pendidikan kanak-kanak di sekolah rendah mahupun sekolah menengah bagi melindungi pembelajaran mereka. Masalah kemiskinan dan krisis ekonomi bukan punca utama untuk kanak-kanak tidak mempunyai pendidikan dan menjadi tenaga buruh pada peringkat umur kanak-kanak.

Di Sri Lanka, kajian yang dilakukan oleh Samaratunga & O'Hare (2014) adalah program perumahan bagi golongan berpendapatan rendah. Pembinaan rumah ini dilakukan di bawah Program Pembangunan Perbandaran Lestari di Sri Lanka. Program ini telah membina 671 buah rumah yang melebihi 14 tingkat yang mampu didiami oleh golongan berpendapatan rendah tersebut. Di samping membina keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, program ini turut menyumbang kelestarian kehidupan di kawasan perumahan tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Devadasan *et al.* (2008), mengkaji program bantuan tunai bersyarat dan penghantaran ke institusi, kajian ke atas ibu mengandung dan keselamatan bayi yang baru dilahirkan. Menurut Devadasan *et al.* (2008), secara signifikan lebih 20 peratus kematian ibu dan bayi berlaku di India. Oleh itu, untuk menangani masalah ini, inisiatif dari kerajaan India telah memperkenalkan program bantuan tunai bersyarat yang dipanggil sebagai 'Janani Suraksha Yojana'. Melalui program ini, tiga perkara dilakukan untuk wanita miskin. Antaranya ialah pemeriksaan kesihatan, kemudahan penjagaan kesihatan dan kos kewangan kehidupan mereka secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu, setiap golongan wanita miskin akan dipantau dengan rapi dan memastikan golongan wanita miskin ini tidak terlepas daripada mendapat bantuan dari program ini (Devadasan *et al.* (2008). Hal ini menunjukkan bahawa penekanan yang diberikan dalam program ini terhadap wanita miskin dengan bantuan tunai dan bersyarat.

Kajian yang dilakukan oleh Sarah Sabry (2005) adalah tentang bantuan sosial oleh kerajaan di Mesir. Program bantuan sosial ini memantau isi rumah yang berpendapatan rendah di kawasan Kaherah. Menurut Sarah Sabry (2005) program ini wujud kerana untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan golongan yang tidak boleh berkerja atas sebab tertentu. Program bantuan sosial ini menyediakan pendapatan minimum kepada orang tua, isi rumah yang berpendapatan rendah, orang kurang upaya dan wanita janda yang mempunyai anak. Oleh itu, kerajaan Mesir meminta golongan tersebut yang layak untuk bantuan ini untuk menampung kekurangan yang dihadapi oleh mereka. Usaha kerajaan Mesir merupakan salah satu inisiatif untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat mereka di Kaherah.

Kajian Mohd Kabir Hassan (2007) ialah strategi dan bantuan untuk mengurangkan kemiskinan di Bangladesh. Di Bangladesh, pengurangan kadar kemiskinan bergantung kepada agihan zakat. Menurut Mohd Kabir Hassan (2007) dana zakat di Bangladesh dikumpul oleh kerajaan melalui pergantungan ekonomi. Oleh itu, kerajaan Bangladesh menekankan pekerjaan, produktiviti dan output negara supaya dapat menjana pendapatan negara dan dana zakat. Pengagihan zakat di Bangladesh berdasarkan penilaian oleh pihak kerajaan dan permohonan oleh penduduk tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa dana zakat sahaja yang menjadi tumpuan bantuan untuk mengurangkan kemiskinan di Bangladesh.

Leung & Wong (1999) mengkaji bantuan sosial kepada komuniti di China. Kajian yang dijalankan ini adalah disebabkan oleh kewujudan kemiskinan di luar bandar juga kemiskinan bandar. Namun sebenarnya, ekonomi yang berorientasi pasaran telah mewujudkan kelas bawah bandar, yang terdiri daripada pekerja-pekerja kerajaan yang kurang dibayar, penganggur, dan pendatang dari kawasan luar bandar. Menurut Leung & Wong (1999), kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memberi bantuan dan mewujudkan peluang pekerjaan di luar bandar dan bandar. Pendedahan kepada komuniti dengan perniagaan dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan komuniti di China menjadi penganggur dan terus berada dalam kemiskinan.

Kajian yang dilakukan oleh Victoria (2003) adalah berkaitan dengan pihak kerajaan membantu golongan komuniti dalam pengurusan bencana di Filipina. Pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan memberi pendedahan kepada komuniti Filipina dengan bantuan oleh Pusat Kajian Pengurusan Bencana dari Belgium. Pengurusan bencana ini adalah bertujuan untuk memberi keselamatan komuniti tersebut dalam tempoh yang panjang dan menjamin keselamatan mereka. Setiap strategi juga diajar kepada komuniti tersebut supaya dapat mengelak dari bencana dan dapat menggunakan sumber yang ada dengan baik bagi kehidupan mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Opoku (2010), adalah berkaitan kepentingan perumahan dalam kalangan pengguna berpendapatan rendah di Saudi Arabia. Kajian ini dikaji kerana peningkatan kos perumahan di Saudi Arabia. Menurut Opoku (2010), kos perumahan meningkat akibat daripada pemilihan kawasan rumah yang berfokus yang menjadi pilihan untuk peniaga dan sekitar kawasan pekerjaan. Kesan daripada masalah tersebut kerajaan Saudi Arabia perlu menilai kepentingan perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah ini dan memperkenalkan perumahan asas yang boleh melengkap keperluan kehidupan bagi rakyat mereka. Bantuan ini juga penting bagi menjamin golongan berpendapatan untuk memiliki kediaman mereka sendiri.

BANTUAN RAKYAT UNTUK MENCAPAI PEMBANGUNAN LESTARI

Berdasarkan perbincangan kedua-dua mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat di negara maju dan negara membangun menunjukkan pelbagai mekanisme bantuan rakyat telah dilaksanakan bagi membantu golongan-golongan yang memerlukan. Negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Singapura kebanyakannya melaksanakan mekanisme bantuan rakyat seperti bantuan perumahan, bantuan makanan bagi golongan tua, bantuan penggunaan ubat dan sebagainya. Di Singapura, bantuan pembangunan kanak-kanak dan bantuan komuniti yang menjadi tumpuan di negara tersebut. Bantuan rakyat di negara maju tidak tertumpu kepada bantuan kewangan semata-mata. Lebih mengenal pasti punca masalah yang dihadapi oleh rakyat di negara tersebut.

Bagi negara membangun, mekanisme bantuan rakyat yang dilaksanakan juga berbeza dengan negara maju. Di negara membangun, pelaksanaan mekanisme bantuan rakyat lebih berfokus kepada bantuan tanah perumahan, bantuan pendidikan, bantuan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, bantuan sosial, pembasmian pendapatan rendah dan sebagainya. Di negara membangun, bantuan lebih memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah seperti di Mesir, Sri Lanka, Arab Saudi dan Bangladesh. Golongan berpendapatan rendah menjadi sasaran utama dalam pelaksanaan bantuan rakyat. Oleh itu, pelaksanaan bantuan rakyat di negara maju dan negara membangun dilihat mempunyai sedikit perbezaan iaitu sasaran dan tujuan bantuan rakyat dilaksanakan. Di negara maju, bantuan rakyat berfokus kepada kekurangan yang dihadapi oleh rakyat. Manakala di negara membangun, bantuan rakyat lebih memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah. Setiap mekanisme bantuan mempunyai matlamatnya sendiri yang bersesuaian dengan keperluan rakyat.

Analisis ini menunjukkan bahawa pelbagai bentuk bantuan rakyat dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk mencapai agenda pembasmian kemiskinan dalam kalangan negara maju dan negara membangun. Bagi SDG, golongan miskin melibatkan golongan yang hidup dengan pendapatan kurang dari USD1.9 sehari serta berhadapan dengan

masalah untuk memperoleh keperluan asas. Pencapaian SDG akan dikatakan berjaya apabila setiap negara dunia berjaya mengatasi masalah kemiskinan yang bersifat multidimensional. Pencapaian ini termasuklah persediaan negara untuk mewujudkan sistem perlindungan sosial bagi golongan miskin dan rentan ini. Negara dunia juga disasarkan agar dapat memperoleh hak yang saksama bagi sumber ekonomi dan akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan serta semua bentuk harta dan teknologi. Lebih meluas lagi, SDG mensasarkan agar dapat membina penambat bagi bencana sama ada bencana alam, sosial mahupun ekonomi bagi golongan miskin ini memandangkan golongan ini merupakan golongan yang paling berisiko tinggi terdedah kepada bencana tersebut apabila ia berlaku. Selain itu, dasar yang sensitif dengan gender, dan pro-kemiskinan juga dicadangkan agar dapat dilaksanakan pada setiap tahap: negara, rantau; mahupun antarabangsa yang dapat memacu penjana dan pelaburan bagi tindakan pembasmian kemiskinan (UNDP, 2019).

Sasaran SDG ini jelas menunjukkan bahawa komitmen dunia terhadap agenda membasmi kemiskinan bersifat multidemensi, bukan sekadar kemiskinan dalam bentuk pendapatan sahaja tetapi turut meliputi pendidikan, kesihatan awam, akses kepada air bersih dan kemudahan sanitasi (Liu, Yu & Wang, 2015). Kemiskinan merupakan satu fenomena yang kompleks. Berdasarkan analisis dalam artikel ini didapati bahawa mekanisme intervensi banyak digunakan dalam program bantuan rakyat. Kaedah sebegini tidak hanya digunakan secara merata dalam kalangan negara maju tetapi juga dalam kalangan negara majoriti Muslim yang sedang membangun. Sasaran-sasaran dalam matlamat menamatkan kemiskinan SDG ini jelas menunjukkan komitmen SDG dalam hal ini.

Walau bagaimanapun, Sirageldin (2000) menegaskan bahawa pendekatan dengan sifat kuantitatif berdasarkan pendapatan dan metrik kewangan-penggunaan tidak cukup bagi menangani isu kemiskinan. Bagi beliau, ukuran kemiskinan bersifat multidemensi dengan melangkaui batas sosio-politik. Atas sebab itu, kefahaman jelas tentang persekitaran sosio-politik tempatan diperlukan dalam perancangan dasar dan program pembasmian kemiskinan sekali gus menentukan pelaksanaan mekanisme bantuan rakyat yang paling tepat. Kecenderungan kepada pendapat yang sebegini juga turut dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2017). Beliau berpandangan bahawa dasar, strategi dan mekanisme pelaksanaan pembasmian kemiskinan masa kini bersifat “outsider” dengan hanya mengambil kira pemikiran, pandangan dan pengetahuan golongan luar daripada kelompok golongan miskin itu sendiri. Kebiasaannya, ia dirancang dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa dan agensi sebagaimana yang telah dibincangkan dalam artikel ini secara keseluruhannya. Pendekatan ini menurut Muhammad Syukri Salleh (2017) kebiasaannya bersifat terasing dalam kalangan golongan miskin dan bagi golongan miskin yang beragama Islam, pendekatan yang diterapkan oleh agensi antarabangsa (mahupun tempatan) tidak cenderung kepada fitrah masyarakat Muslim yang beragama Islam itu sendiri.

KESIMPULAN

Secara rumusannya, mekanisme bantuan rakyat di negara maju dan negara membangun mempunyai matlamat dan tujuannya sendiri. Setiap negara mempunyai mekanisme pelaksanaan yang berbeza dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh setiap rakyat di negara masing-masing. Namun begitu, mekanisme bantuan rakyat perlu diteruskan bagi membantu golongan-golongan yang memerlukan supaya rakyat dapat meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna seiring dengan kemajuan negara yang semakin berkembang. Artikel ini telah mengemukakan analisis terhadap mekanisme bantuan rakyat yang dilaksanakan

dalam mencapai pembangunan lestari. Meskipun kemiskinan dianggap sebagai satu fenomena negatif dalam pembangunan, namun fenomena itu perlu dilihat, didefinisikan dan diukur dengan lebih meluas lagi berdasarkan sifat multidimensional. Kaedah ini penting bagi memastikan dasar dan strategi yang dirancang dan mekanisme pelaksanaan khususnya melalui bantuan rakyat diatur dengan tepat seterusnya dapat menghadapi fenomena kemiskinan ini secara lestari.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian Model Indeks Pembangunan Lestari Islam pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2017/SSI10/USM/02/1; ID:188290-207709) seliaan Universiti Sains Malaysia (203.CISDEV.6711595).

RUJUKAN

- Abramovich, A. (2013). No Fixed Address: Young, Queer, and Restless. In S. Gaetz, B. O'Grady, K. Bucciari, J. Karabanow, & A. Marsolais (Eds.), *Youth Homelessness in Canada: Implications for Policy and Practice* (pp. 387-404). Toronto: Canadian Homelessness Research Network Press.
- Bilqis Ololade Ahmed, Fuadah Johari, Kalsom Abdul Wahab, (2015) "*Identifying the poor and the needy among the beneficiaries of zakat: Need for a zakat-based poverty threshold in Nigeria*", *International Journal of Social Economics*, Vol. 44 Issue: 4, pp.446-458, <https://doi.org/10.1108/IJSE-09-2015-0234>
- Boonyabancha, S. (2009). *Land for housing the poor—by the poor: experiences from the Baan Mankong nationwide slum upgrading programme in Thailand*. *Environment and Urbanization*, 21(2), 309-329.
- Craig, & Gundersen, M. Y., Constanza Valdez, and Betsey Kuhn. (2000). *A Comparison of Food Assistance Programs in Mexico and the United States*.
- Danielle Chauncey, C. D. M., BAC V. TRAN,, & Diane McNally, A. R. N. M. (2006). *Medication access through patient assistance programs*. Vol 63(Am J Health-Syst Pharm
- Devadasan, N., Elias, M. A., John, D., Grahacharya, S., & Ralte, L. (2008). A conditional cash assistance programme for promoting institutional deliveries among the poor in India: process evaluation results. *Reducing financial barriers to obstetric care in low-income countries*.
- Inman, R. P., (1978), "*Optimal Fiscal Reform of Metropolitan Schools: Some Simulation Results*," *American Economic Review*, Vol. 68, pp. 107-122.
- Jensen, S. K. H. a. H. H. (2003). *Do Food Assistance Programs Improve Household Food Security? Recent Evidence from the United States* (Center for Agricultural and Rural Development Iowa State University Ames, Iowa 50011-1070).
- Lee, J. & Frongillo, E. A., Jr. (2001) *Factors associated with food insecurity among US elderly persons: importance of functional impairments*. *J. Gerontol.*(In press.)

- Leung, J. C., & Wong, H. S. (1999). The emergence of a community- based social assistance programme in urban China. *Social Policy & Administration*, 33(1), 39-54.
- Liu, Q. Q., Yu, M. & Wang, X, L. (2015). Poverty reduction within the framework of SDGs and Post-2015 Development Agenda. *Advances in Climate Change Research*, 6, 67-73.
- Muhammad Syukri Salleh. (2017). Contemporary vision of poverty and Islamic strategy for poverty alleviation. *SAGE Open*, April-June 2017, 1-8.
- Olsen, E. O. (January 2003). *Housing Programs for Low-Income Households*. University of Chicago Press.
- Opoku, R. A., & Abdul-Muhmin, A. G. (2010). Housing preferences and attribute importance among low-income consumers in Saudi Arabia. *Habitat international*, 34(2), 219-227.
- Pamela Hallquist Viale, S. M. (2001). *Utilization of Medication-Assistance Programs for Medically Uninsured Patients: One Public Teaching Hospital's Experience*. Clinical Journal Of Oncology Nursing, Volume 5, Number 6(Utilization Of Medication-Assistance Programs).
- Rothì, D. M., & Leavey, G. (2006). Mental Health Help-Seeking and Young People: A Review. *Pastoral Care in Education*, 24(3), 4-13. doi: 10.1111/j.1468-0122.2006.00373.
- Sabry, S. (2005). The Social Aid and Assistance programme of the government of Egypt-a critical review. *Environment and Urbanization*, 17(2), 27-41.
- Samaratunga, T. C., & O'Hare, D. (2014). 'Sahaspura': the first high-rise housing project for low-income people in Colombo, Sri Lanka. *Australian Planner*, 51(3), 223-231. doi: 10.1080/07293682.2013.820204
- Sirageldin, I. (2000). Elimination of poverty: Challenges and Islamic strategies. *Islamic Economic Studies*, 8(1). 1-16.
- Sparrow, R. (2007). Protecting education for the poor in times of crisis: An evaluation of a scholarship programme in Indonesia. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics*, 69(1), 99-122.
- UNDP. (2019). *Goal 1: No poverty*. Diakses dari <https://www.undp.org/content/undp/en/home/sustainable-development-goals/goal-1-no-poverty.html>
- Victoria, L. P. (2003). Community-based disaster management in the Philippines: making a difference in people's lives. *Philippine Sociological Review*, 51, 65-80.
- Yap, M. T. (2010). Social assistance programme in Singapore. *Social policy and poverty in East Asia: The role of social security*, 66-80.